



Your New PIN-enabled Contactless Card



www.pinandpay.com.my

AmBank (M) Berhad (8515-D) | AmBank Islamic Berhad (295576-U)



AmBank Islamic



AmBank

Introduction

As an industry-wide initiative, whereby effective 1 July 2017, signature will no longer be accepted when you use your Card to make a domestic payment. PIN enabled cards will replace signature cards. The use of signature will gradually be phased out as cards and terminals are upgraded. You should enter a PIN when prompted, instead of signing, when making a payment with your new PIN enabled card at a point-of-sale terminal in Malaysia.

To complement your contemporary and dynamic lifestyle, this card also comes with contactless chip technology, where you can breeze through checkout counters just by tapping your Card whenever you see the Paypass/ PayWave symbol.

Please be rest assured that there will be no interruption to your current card usage including auto-debit transactions.

About PIN

What is PIN?

A PIN (Personal Identification Number) is a secret code that is assigned to cardmembers to prove they are the rightful owner of the payment card. PINs for Malaysian cards have six digits. Your PIN must always be kept a secret and never written down.

Why is PIN safer than signing?

PIN usage can help protect against fraud due to lost or stolen cards, because the card and PIN are required to make a payment. This is why you must always keep your PIN a secret.

Why do I need to receive a new card to use PIN?

You will be issued a new card because your current card is not a PIN enabled card.

When will I receive my PIN?

You will receive a temporary PIN via SMS 2 days after your card is activated. Please update your latest mobile phone number with the Bank.

Do I need to change the PIN?

Yes. You are required to change the temporary PIN you received from the Bank to your own preferred 6 digits PIN, at any AmBank/ AmBank Islamic ATMs before transacting with the PIN enabled card for the first time.

When will I need to use the PIN?

You will need the PIN for:

- Cash withdrawals at Automated Teller Machines (ATM)
- First time log-in at AmOnline, AmBank's Internet Banking
- Retail purchases in Malaysia whenever you are prompted to enter your PIN
- Overseas purchases in certain countries in Europe, Australia, New Zealand, etc

How do I obtain a PIN?

Your temporary PIN will be sent in a separate mailer or via SMS. If you have not received it, please call our Contact Centre at +603-2178 8888 or visit any AmBank/ AmBank Islamic branches to request. Please update your latest mobile number with the Bank.

Can I continue using my existing signature card after I have received my PIN enabled card?

Your existing signature based card can only be used until 31 December 2016. Please activate your new PIN enabled card as soon as possible for uninterrupted usage.

Is the PIN used for making purchases the same as the PIN used at ATMs?

Yes. Each card will only have one PIN that can be used for both cash withdrawals at ATMs and for making purchases at the point-of-sale.

What will happen if I enter the wrong PIN?

You will be allowed several attempts before your PIN is blocked. Limited PIN entry protects you against the possibility of a criminal using your card. If you are unable to proceed with further transactions by using your existing PIN, please contact us for a new PIN.

How will I know when a PIN is required?

All you need to do is follow the instructions displayed on the terminal. The payment terminal will determine if a PIN is required and if so, it will then prompt you to key in your PIN.

What will happen if I use my new PIN enabled card at a terminal that does not support PIN?

In this case, the terminal will process your new PIN enabled card without prompting for PIN and you will need to sign on the payment slip to complete the payment.

Will PIN be needed for card transactions via the Internet or telephone?

No. The PIN that you use at point-of-sale terminals or ATMs must never be revealed via the Internet or telephone. Your PIN enabled card will have no impact to transactions made via the Internet or telephone.

Do I need to enter PIN whenever I use my PIN enabled card in Malaysia?

Yes, you will require a PIN for most of your card transactions at point-of-sale terminals.

There will be some transactions which DO NOT require PIN:

- Low-value contactless transactions (below RM250)
- Transactions performed at a terminal not supporting PIN
- Online/ internet and mail/ telephone order transactions

Will I have to enter a PIN when I use my card overseas?

Not all overseas countries support PIN. Where an overseas terminal does not support PIN, you will need to sign on the payment slip to complete the payment.

What will happen if I forgot my PIN?

Prior to 1 July 2017, signature will still be accepted when using your new PIN card if you cannot remember your PIN. The retailer can assist you to complete your payment using signature.

Effective 1 July 2017, you will no longer be allowed to use your PIN enabled card at point-of-sale terminals in Malaysia if you do not remember your PIN.

If you forgot your PIN, please call our Contact Centre at +603-2178 8888 for a new PIN.

What will happen when I use my PIN enabled card at self-service petrol pumps?

As a security measure, you must enter your PIN at self-service petrol pumps when prompted, even prior to 1 July 2017. If you forget your PIN, you will not be able to use your PIN enabled card at these petrol pumps. Therefore, if you do not have a PIN in hand, proceed to make payment at the cashier located inside the petrol pump to transact using signature.

Please note that a pre-authorized amount (equivalent to RM200) at self-service petrol pumps will be deducted from the available balance in your card account. This pre-authorization amount is temporary held for up to 4 working days and shall be adjusted accordingly once the actual amount used is debited to your card account.

How do I avoid the holding of pre-authorization amount?

If you want to avoid a pre-authorization amount at self-service petrol pumps, you can approach the cashier to charge the exact amount to your card before pumping petrol.

What will happen if I forgot my PIN and need to pump petrol urgently?

From now till 30 June 2017, you can approach the cashier to charge your card before pumping petrol (i.e. signature will still be accepted). From 1 July 2017 onwards, you will require a PIN to transact on your PIN card.

How do I keep my PIN secure?

It is very important that you keep your PIN confidential so that your PIN enabled card is protected against lost and stolen card fraud.

Ensure your PIN is not easy to guess by avoiding numbers that can be associated with you such as significant personal dates (e.g. your birthday or anniversary), telephone number or driver's licence number.

Other measures to keep your PIN safe include:

- do not keep a written record of your PIN;
- do not allow another person to see your PIN when you enter it or when it is displayed;
- do not keep your PIN in a form that can be readily identified as a PIN;
- do not disclose your PIN to any other person (including persons in apparent authority, family members or spouse);
- do not negligently or recklessly disclose your PIN;
- notify the Bank immediately if you become aware that your PIN has become known to someone else; and
- ensure any supplementary cardmembers who are able to access any of your Card Accounts via a PIN, to also keep their PIN secure as set out above.

About Contactless



What is a Contactless Card?

It's a card with contactless chip technology, where you can breeze through checkout counters by just tapping your card whenever you see the PayPass/ PayWave symbol. i.e. tap and go. It is a convenient and fast way to pay for everyday purchases. You do not need to sign on the sales slip nor enter PIN for low value transactions below RM250.

Can I still use my PIN enabled card for contactless transactions?

Yes. If your contactless card has a PIN, the terminal will prompt for PIN after your card is tapped on the contactless reader for transactions amounting of RM250 and above. Low-value contactless transactions do not require PIN or signature.

How safe is a contactless card?

The simplest security measure is that the card should never leave your hand and you are in control of the payment.

Could I have unknowingly made a purchase if I walked past a contactless reader?

Your contactless card will only work when the card is within 4cm from the card reader and the reader needs to be enabled by the cashier to accept payment. If the reader is not enabled to process, it will not read any contactless card presented in front of it by mistake.

What will happen if I accidentally tapped my card twice on the contactless reader?

The contactless reader can only process one transaction at a time. Even if the contactless card is tapped more than once, you will only be charged once, for the transaction.

What will happen if a fraudster read my card by placing a contactless reader close to my wallet?

Please be assured that security measures are in place to prevent unauthorised use of the intercepted card security details in an unlikely event that the contactless card details are read by a fraudster. Each contactless transaction requires a unique code to be generated from the chip in your original contactless card.

Could a fraudster steal my contactless card and use it?

Controls are in place to mitigate the use of a lost or stolen contactless card. Your PIN or signature is required for transactions amounting to RM250 and above. All transactions are monitored by the Bank.

You must notify the Bank promptly of any unauthorised transactions charged to your card.

What will happen if I lost my contactless PIN enabled card and there is an unauthorised card transaction?

In the unlikely event of fraud, you will not be held responsible for unauthorised purchases made on your contactless card as long as you have exercised reasonable care in safeguarding the card. You must notify the Bank promptly of the loss and theft of your card as well as any unauthorised card usage. You may be held responsible for unauthorised purchases if you have failed to take reasonable care and precaution to protect your card or PIN.

Can I deactivate the contactless function or set a lower contactless limit for my card?

Yes, you may do so by calling our Contact Centre at +603-2178 8888.



Kad Berasaskan PIN baharu Anda



www.pinandpay.com.my

AmBank (M) Berhad (855-D) | AmBank Islamic Berhad (295576-U)



AmBank Islamic



AmBank

Pengenalan

Sebagai inisiatif seluruh industri, di mana berkuatkuasa 1 Julai 2017, tandatangan tidak lagi akan diterima apabila anda menggunakan kad untuk membuat pembayaran domestik. Kad berasaskan PIN akan menggantikan kad tandatangan. Penggunaan tandatangan akan dihentikan secara beransur-ansur apabila kad dan terminal dinaik taraf. Anda perlu memasukkan PIN apabila diminta (bukannya tandatangan), apabila membuat pembayaran dengan kad berasaskan PIN baharu anda di terminal tempat jualan di Malaysia.

Bagi melengkapinya gaya hidup kontemporari dan dinamik anda, kad ini juga dilengkapi dengan teknologi cip tanpa sentuh, di mana anda boleh membuat pembayaran hanya dengan mengimbas Kad anda apabila anda melihat simbol Paypass/ PayWave.

Anda boleh tetap yakin bahawa tiada gangguan perkhidmatan terhadap penggunaan semasa kad anda termasuk transaksi auto-debit.

Mengenai PIN

Apakah PIN?

PIN (Nombor Pengenalan Peribadi) merupakan kod rahsia yang diberikan kepada pemegang kad untuk membuktikan bahawa mereka adalah pemilik sah kad tersebut. PIN untuk kad Malaysia mempunyai enam digit. PIN anda mestilah sentiasa dirahsiakan dan jangan sekali-kali mencatatkannya di mana-mana.

Mengapa PIN lebih selamat daripada tandatangan?

Penggunaan PIN boleh membantu melindungi pengguna daripada penipuan akibat kehilangan atau kecurian kad kerana kedua-dua kad dan PIN diperlukan untuk membuat pembayaran. Oleh itu, anda perlu sentiasa merahsiakan PIN anda.

Mengapakah saya perlu mendapatkan kad baharu untuk menggunakan PIN?

Anda akan diberikan kad baharu kerana kad semasa anda bukan kad berasaskan PIN.

Bilakah saya akan menerima PIN?

Anda akan menerima PIN sementara melalui SMS 2 hari selepas kad anda diaktifkan. Sila kemas kini nombor telefon bimbit terkini anda dengan Bank.

Adakah saya perlu menukarkan PIN?

Ya. Anda dikehendaki untuk menukar PIN sementara yang diterima daripada pihak Bank kepada PIN pilihan 6 digit anda sendiri di mana-mana mesin ATM AmBank/ AmBank Islamic sebelum membuat transaksi pertama menggunakan kad berasaskan PIN.

Bilakah saya perlu menggunakan PIN?

Anda memerlukan PIN untuk :

- a) Pengeluaran wang tunai di ATM
- b) Log masuk buat kali pertama di Perbankan Internet AmOnline
- c) Pembelian runcit di Malaysia apabila anda diminta untuk memasukkan PIN
- d) Pembelian di luar negara, di sesetengah negara seperti Eropah, Australia, New Zealand dan lain-lain

Bagaimanakah saya boleh mendapatkan PIN?

PIN sementara anda akan dihantar melalui surat berasingan atau SMS. Jika anda belum menerimanya, sila hubungi Pusat Panggilan kami di +603-2178 8888 atau kunjungi mana-mana cawangan AmBank/ AmBank Islamic. Sila kemas kini nombor telefon bimbit terkini anda dengan Bank.

Bolehkah saya terus menggunakan kad tandatangan saya yang sedia ada selepas saya menerima kad berasaskan PIN saya?

Kad berasaskan tandatangan anda hanya boleh digunakan sehingga 31 Disember 2016. Sila aktifkan kad berasaskan PIN baharu anda dengan segera untuk mengelakkan gangguan penggunaan.

Adakah PIN yang saya gunakan untuk membuat pembelian sama dengan PIN yang digunakan di ATM?

Ya. Setiap kad hanya mempunyai satu PIN yang boleh digunakan untuk pengeluaran wang tunai di ATM dan pembelian di tempat jualan.

Apakah yang akan berlaku jika saya memasukkan PIN yang salah?

Anda dibenarkan untuk membuat beberapa percubaan sebelum PIN anda disekat. Percubaan PIN yang terhad melindungi anda daripada kemungkinan kad anda digunakan oleh penjenayah. Jika PIN anda disekat, hubungi kami untuk mendapatkan PIN baharu.

Bagaimanakah saya mengetahui bila PIN diperlukan?

Anda hanya perlu mengikuti arahan yang dipaparkan pada terminal. Terminal pembayaran akan menentukan dan meminta PIN sekiranya diperlukan.

Apakah yang akan berlaku jika saya menggunakan kad berasaskan PIN baharu di terminal yang tidak menyokong PIN?

Dalam kes ini, terminal akan memproses kad berasaskan PIN baharu anda tanpa meminta PIN dan anda perlu menurunkan tandatangan pada slip pembayaran untuk menyempurnakan pembayaran.

Adakah PIN diperlukan untuk transaksi kad melalui Internet atau telefon?

Tidak. PIN yang anda gunakan di terminal tempat jualan atau mesin ATM sama sekali tidak boleh didedahkan melalui Internet atau telefon. Kad berasaskan PIN anda tidak akan memberi kesan terhadap transaksi yang dibuat melalui Internet atau telefon.

Adakah saya perlu memasukkan PIN setiap kali saya menggunakan kad berasaskan PIN saya di Malaysia?

Ya, anda akan memerlukan PIN bagi kebanyakan transaksi kad anda di terminal tempat jualan.

Terdapat beberapa transaksi yang TIDAK memerlukan PIN:

- Transaksi tanpa sentuh yang bernilai rendah (Kurang daripada RM250)
- Transaksi yang dibuat di terminal yang tidak menyokong PIN
- Transaksi dalam talian/ internet dan pesanan mel/ telefon

Adakah saya perlu memasukkan PIN apabila saya menggunakan kad di luar negara?

Bukan semua negara menyokong PIN. Jika terdapat terminal luar negara yang tidak menyokong PIN, anda perlu menurunkan tandatangan pada slip pembayaran untuk menyempurnakan pembayaran.

Apakah yang akan berlaku sekiranya saya terlupa PIN saya?

Sebelum 1 Julai 2017, tandatangan masih diterima semasa menggunakan kad berasaskan PIN baharu anda jika anda terlupa PIN. Peruncit boleh membantu anda menyempurnakan pembayaran menggunakan tandatangan.

Bermula 1 Julai 2017, anda tidak akan lagi dibenarkan menggunakan kad berasaskan PIN di terminal tempat jualan di Malaysia sekiranya anda tidak mengetahui PIN anda.

Jika anda terlupa PIN, sila hubungi Pusat Panggilan kami di +603-2178 8888 untuk mendapatkan PIN baharu.

Apakah yang berlaku apabila saya menggunakan kad berasaskan PIN saya di pam minyak layan-diri?

Sebagai langkah keselamatan, anda perlu memasukkan PIN anda di pam minyak layan-diri jika anda diminta untuk berbuat demikian, walaupun sebelum 1 Julai 2017. Jika anda terlupa PIN, anda tidak dapat menggunakan kad berasaskan PIN anda di pam minyak tersebut. Oleh itu, jika anda tidak mempunyai PIN, sila teruskan membuat bayaran di kaunter bayaran di dalam premis untuk membuat transaksi menggunakan tandatangan.

Harap maklum bahawa jumlah pra-kebenaran (setara dengan RM200) di pam minyak layan-diri akan ditolak daripada baki tersedia di dalam akaun kad anda. Jumlah pra-kebenaran ini akan ditahan sementara sehingga 4 hari bekerja dan akan diselaraskan sebaik sahaja jumlah sebenar yang digunakan didebitkan ke dalam akaun kad anda.

Bagaimana jika saya ingin mengelakkan pegangan RM200 ke atas kad saya?

Jika anda ingin mengelak jumlah pra-kebenaran di pam minyak layan-diri, anda boleh memberitahu juruwang jumlah yang tepat untuk dicaj ke kad anda sebelum mengisi minyak.

Apa yang akan berlaku sekiranya saya terlupa PIN saya dan perlu mengisi minyak dengan segera?

Berkuatkuasa sekarang sehingga 30 Jun 2017, anda boleh meminta juruwang untuk caj kad anda sebelum mengisi minyak (tandatangan masih akan diterima).

Berkuatkuasa 1 Julai 2017, anda akan memerlukan PIN untuk membuat transaksi menggunakan kad berasaskan PIN anda.

Bagaimana saya dapat memastikan bahawa PIN saya selamat?

lanya amat penting bagi anda untuk merahsiakan PIN anda supaya kad berasaskan PIN anda dilindungi daripada penipuan akibat kehilangan dan kecurian kad.

Pastikan PIN anda tidak mudah diteka dengan mengelakkan penggunaan nombor yang boleh dikaitkan dengan anda seperti tarikh peribadi yang penting (contohnya, tarikh lahir atau tarikh ulang tahun anda), nombor telefon atau nombor lesen memandu.

Antara langkah-langkah lain untuk memastikan keselamatan PIN anda termasuk:

- tidak menyimpan rekod bertulis tentang PIN anda;
- tidak membenarkan orang lain melihat PIN anda semasa anda memasukkannya atau semasa ia dipaparkan;
- tidak menyimpan PIN anda dalam bentuk yang mudah dikenal pasti sebagai PIN;
- tidak mendedahkan PIN anda kepada sesiapa pun (termasuk pihak berkuasa, ahli keluarga atau pasangan);
- tidak mendedahkan PIN anda secara cuai atau lalai;
- memaklumkan pihak Bank dengan segera jika anda menyedari bahawa PIN anda telah diketahui oleh orang lain; dan
- pastikan mana-mana pemegang kad tambahan yang boleh mengakses mana-mana Akaun Kad anda menggunakan PIN, memastikan bahawa PIN mereka selamat seperti yang dinyatakan di atas.



Apakah Kad Tanpa Sentuh?

Ia adalah satu kad yang mempunyai teknologi cip tanpa sentuh, di mana anda boleh membuat pembayaran hanya dengan mengimbas Kad anda apabila anda melihat simbol Paypass/ PayWave iaitu imbas dan pergi. Anda tidak perlu menandatangani slip jualan atau memasukkan PIN untuk transaksi yang bernilai kurang daripada RM250.

Bolehkah saya menggunakan kad berasaskan PIN untuk transaksi tanpa sentuh?

Ya. Jika kad tanpa sentuh anda mempunyai PIN, terminal akan meminta PIN selepas kad anda diimbas pada pembaca tanpa sentuh untuk amaun transaksi melebihi RM250. Transaksi tanpa sentuh yang bernilai rendah tidak memerlukan PIN atau tandatangan.

Betapa selamatnya kad tanpa sentuh?

Langkah keselamatan yang paling mudah ialah kad tidak akan diberikan kepada sesiapaupun dan proses pembayaran berada di kawalan anda.

Bolehkah saya membuat pembelian tanpa disedari sekiranya saya berjalan melepasi pembaca tanpa sentuh?

Kad tanpa sentuh anda hanya akan berfungsi apabila kad berada dalam jarak 4sm dari pembaca kad dan pembaca tersebut perlu diaktifkan oleh juruwang untuk menerima bayaran. Sekiranya pembaca tidak diaktifkan untuk membuat pemprosesan, ia tidak akan membaca sebarang kad tanpa sentuh yang berada di hadapannya.

Apa yang akan berlaku sekiranya saya menyentuh kad sebanyak dua kali pada pembaca tanpa sentuh dengan tidak sengaja?

Pembaca tanpa sentuh hanya boleh memproses satu transaksi pada satu masa. Walaupun kad tanpa sentuh disentuh lebih daripada sekali, anda hanya akan dicaj sekali untuk transaksi tersebut.

Apa akan berlaku sekiranya seorang penipu membaca kad saya dengan meletakkan sebuah pembaca tanpa sentuh berdekatan dengan dompet saya?

Anda boleh yakin bahawa kad ini dilengkapi dengan ciri-ciri perlindungan untuk mencegah sebarang penggunaan tidak sah terhadap butiran keselamatan kad yang dipintas sekiranya butiran kad tanpa sentuh telah dibaca oleh penipu tersebut. Setiap transaksi tanpa sentuh memerlukan satu kod unik yang akan dijana daripada cip di dalam kad tanpa sentuh anda yang asal.

Bolehkah seorang penipu mencuri kad tanpa sentuh saya dan menggunakannya?

Kad ini dilengkapi dengan ciri-ciri perlindungan untuk mengurangkan penggunaan kad tanpa sentuh yang hilang atau dicuri. PIN atau tandatangan diperlukan untuk amaun transaksi melebihi RM250. Semua transaksi akan dipantau oleh Bank.

Anda dinasihati untuk melaporkan kepada pihak Bank dengan segera jika terdapat sebarang transaksi tanpa kebenaran yang telah dicaj kepada kad anda.

Apakah yang akan berlaku jika saya kehilangan kad berasaskan PIN tanpa sentuh dan terdapat transaksi kad yang tidak dibenarkan?

Dalam situasi yang berkemungkinan penipuan, anda tidak akan bertanggungjawab ke atas caj penipuan atau pembelian yang tidak dibenarkan pada kad tanpa sentuh anda selagi anda melakukan jagaan yang munasabah dalam melindungi kad. Anda mesti melaporkan kepada pihak Bank dengan segera atas kehilangan dan kecurian kad serta apa-apa penggunaan kad yang tidak dibenarkan. Anda mungkin akan bertanggungjawab bagi pembelian yang tidak dibenarkan jika anda gagal melakukan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk melindungi kad atau PIN anda.

Bolehkah saya mendeaktifkan fungsi tanpa sentuh atau menetapkan had tanpa sentuh yang lebih rendah untuk kad saya?

Ya, anda boleh melakukan yang demikian dengan menghubungi Pusat Panggilan kami di +603-2178 8888.